

23/07/2001

Pas tidak perlu perinci rancangan bentuk negara Islam: Nik Aziz

GUA MUSANG, Ahad - Pas tidak perlu memperincikan secara bertulis dalam pelbagai bahasa bagi kefahaman rakyat berbilang kaum berhubung rancangan membentuk negara Islam jika diberi mandat memerintah negara ini.

Mursyidul Am Pas, Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat, berkata perkara itu sudah diperjelaskan menerusi kandungan manifesto pilihan raya umum lalu, seperti mana kejayaan pemerintahan Islam di Kelantan dan Terengganu.

Kejayaan di kedua-dua negeri berkenaan boleh menjadi landasan membentuk negara Islam supaya rakyat mendapat faedah daripada kesenangan hidup dunia dan akhirat.

"Apabila rakyat memberi mandat memerintah negeri atau negara, maka adalah menjadi dasar kerajaan memerintah untuk melakukan sesuatu yang boleh memberi kesejahteraan rakyat berbilang kaum.

"Dasar pemerintahan Islam di Kelantan dan Terengganu yang mengajak rakyat menjauhi kegiatan bertentangan dengan Islam diterima dengan baik oleh semua pihak.

"Apa yang perlu dirisaukan Barisan Nasional (BN) jika ditakdirkan (Pas memerintah negara)... serah saja kepada Pas menentukan hala tuju pemerintahan asalkan ia bertambah maju.

"Pas berkemampuan berbuat demikian kerana kita (Pas) yang memerintah... tentulah kita gunakan kebijaksanaan sendiri untuk membangun bersama Islam," katanya kepada pemberita selepas majlis pengislaman penduduk Orang Asli di Rancangan Pengumpulan Semula (RPS) Kuala Betis dekat sini, hari ini.

Beliau berkata demikian ketika mengulas kenyataan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, hari ini, yang mencabar Pas memperincikan secara bertulis rancangannya membentuk negara Islam yang dicita-citakan.

Katanya, langkah itu bagi memudahkan rakyat memahami dan menilai kandungan sebenar cara pemerintahan Islam yang Pas hendak laksanakan.

Beliau yang juga Menteri Besar Kelantan berkata, pemimpin BN sengaja menimbulkan isu itu kerana bimbang ia menjadi kenyataan dalam pilihan raya umum akan datang.

(END)